

# Persediaan modal insan untuk 2020

Oleh MOHAMMAD NOORUZUDDIN NOOH

UM - 15/2007

APAKAH yang akan berlaku pada tanggal 1 Mei 2020? Pada tahun tersebut negara kita akan diisytihar sebagai sebuah negara maju.

Namun persoalannya, adakah pada masa itu, modal insan negara berada di tahap global dan mampu bersaing?

Perlulah kita fahamkan bahawa untuk sesebuah negara itu maju, ia memerlukan sokongan dan dukungan dari modal insan yang mantap dan berwibawa.

Hanya tinggal 13 tahun lagi untuk kita memantapkan barisan modal insan bukan sahaja dengan memperkasakan modal insan yang sedia ada pada masa ini, namun kita juga perlu memperkuat golongan belia dan remaja pada masa ini untuk dijadikan barisan pelapis yang padu dan jitu.

Sudah acap kali kita diperingatkan oleh Perdana Menteri mengenai betapa peripentingnya peranan modal insan dalam membangunkan negara. Kebanyakan golongan yang sedang memegang ekonomi pada masa sekarang sudah berada di tahap kemuncak di mana dalam masa 13 tahun lagi, tampuk pegangan ekonomi perlu diserahkan kepada golongan muda yang ada pada masa sekarang.

## Pelapis

Dalam membangunkan modal insan yang padu, golongan yang berpengalaman pada masa sekarang perlu menjadi mentor kepada golongan pemimpin muda. Barisan pelapis modal insan yang mantap perlu wujud bukan sahaja dari segi ekonomi namun juga dari segi politik.

Sebagai pekerja, kita bukan sahaja perlu menumpukan perhatian hanya ke dalam negara sahaja, namun pekerja di Malaysia perlu menjadi pekerja global.

Adalah diharapkan pada masa akan datang, negara akan mengeksport pekerja ke luar negara dan tidak lagi mengimport pekerja asing untuk bekerja di sini.

Cabaran alam pekerjaan pada masa akan datang akan menjadi lebih kompetitif dan masyarakat perlulah meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran kerana kedua-dua perkara ini akan menjadi nilai tambah untuk bersaing di persada antarabangsa.

Bila kita berbicara mengenai ilmu dan kemahiran, maka ramai yang akan menyangkakan bahawa ilmu dan kemahiran bersekal teknikal adalah penting untuk mewujudkan modal insan yang mempunyai nilai tambah. Ingin dinyatakan bahawa ilmu dan kemahiran yang lain juga tidak kurang pentingnya.

Jika semua masyarakat di dunia mengejar ilmu dan kemahiran teknikal, maka siapa pula yang akan bertanggungjawab untuk memajukan ilmu-ilmu lain?

Modal insan di Malaysia boleh melengkapkan diri dengan ilmu pengurusan, pemasaran, perundangan dan lain-lain ilmu yang dirasakan amat penting untuk menjadi pekerja global yang kompetitif.

Jika sebelum ini ilmu pengurusan lebih berorientasikan Jepun dan negara Barat, mungkin modal insan di negara ini boleh mengolah ilmu pengurusan baru yang akan menjadi paksi ilmu pengurusan pada masa akan datang. Pekerja di Malaysia perlu berhijrah dari segi fizikal dan mental untuk menjadi cemerlang. Kita tidak lagi hanya bergantung kepada ekonomi Malaysia untuk mencari rezeki.